

## Syor bina rumah guna teknologi IBS kenaf

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi mencadangkan supaya pembinaan rumah melalui peruntukan Unif Penyelidikan Pelaksanaan di semua 222 kawasan Parlimen negara ini menggunakan teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS) berasaskan kenaf.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata ia boleh dilaksanakan pada masa akan datang kerana teknologi IBS kenaf terbukti lebih sistematik, tahan haba, menjimatkan masa dan kos pembinaan serta lebih mesra alam.

Katanya, kertas cadangan

penggunaan teknologi IBS berasaskan kenaf akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk dibentangkan pada mesyuarat kabinet.

"Kerajaan memperuntukkan RMI juta setahun kepada Ahli Parlimen untuk pembinaan 20 rumah penduduk miskin di seluruh negara.

"Kos pembinaan rumah menggunakan teknologi IBS dianggarkan RM20,000 sebuah dan proses pembinaan kediaman itu hanya mengambil masa 14 hari," katanya selepas merasmikan Kursus Keusahawanan IBS berasaskan kenaf, di sini, semalam.